

**Raja Muda Perlis Minta Eskpatriat Malaysia Bantu Negara
Bernama
6 Disember, 2012
Oleh Neville D'Cruz**

MELBOURNE, 6 Dis (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyatakan sokongannya terhadap usaha Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dengan menggesa rakyat Malaysia di sini membantu pembangunan negara.

Titah baginda, TalentCorp merupakan rancangan yang baik dalam menarik tenaga kerja Malaysia berkeelayakan menyumbang kepada negara.

"Anda mungkin tinggal di luar negara, tetapi anda masih boleh membantu Malaysia dengan kepakaran dan pengetahuan anda," titah baginda pada jamuan sempena mesyuarat TalentCorp di kediaman Konsul Jeneral Malaysia di sini, Dr Mohd Rameez Yahaya, pada Rabu malam.

Lebih 80 rakyat Malaysia terdiri daripada golongan profesional, pelabur dan ahli perniagaan hadir.

Baginda yang diiringi isteri, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, bertitah Perlis memerlukan pelaburan asing serta kehadiran pelancong.

"Kami tidak mahu ketinggalan ketika Malaysia mengorak langkah ke arah 2020. Kami mengalu-alukan idea anda, pelaburan dan juga sokongan anda," titahnya.

Titah Tuanku Syed Faizuddin, walaupun Perlis tidak memiliki hotel lima bintang, pelawat akan tetap terpesona dengan keramahan dan kemesraan masyarakat Perlis.

Tuanku Syed Faizuddin turut berkongsi kenangan ketika baginda dan isteri menuntut di sini.

"Kami melalui pengalaman yang menyeronokkan ketika di sini," titahnya.

Sementara itu, peguam William Lye dalam ucapan menyambut keberangkatan tiba pasangan diraja tersebut, berkata lawatan sedemikian akan menyuburkan hubungan baik antara Australia dan Malaysia.

Lye yang merupakan perwakilan prinsipal World Chinese Economic Forum di Australia, berkata walaupun tinggal di luar negara, rakyat Malaysia di sini tetap berasa terikat dengan Malaysia.

"Kami ingin melihat Malaysia maju dan makmur," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714466>